

07/03/1997

Hutan Bukit Penjara diceroboh

SUNGAI PETANI, Khamis - Ketika kerajaan berusaha mengekalkan kehijauan negara, termasuk melancarkan Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara, Isnin lalu, satu kawasan hutan di Bukit Penjara, dekat Pantai Merdeka, di sini diteroka secara haram sehingga menjejaskan hidupan liar serta kehijauan bukit itu.

Penerokaan haram oleh sekumpulan lelaki yang tidak bertanggungjawab itu bukan untuk membangunkan projek besar, tetapi hanya untuk ditanam petai, durian dan pisang.

Menurut penduduk, hutan yang kerap digunakan pencinta alam untuk berekreasi, ditebang tanpa kebenaran oleh pihak berkuasa.

Mereka kerap melihat sekumpulan tiga lelaki membakar hutan di bukit itu menjelang malam hampir setiap hari, sejak dua bulan lalu.

Pengusaha bot pelancong di Pantai Merdeka, Mahathir Man, 50 mendakwa sering melihat lelaki terbabit membakar hutan yang terletak dalam kawasan pentadbiran Jabatan Tanah dan Galian daerah Kuala Muda itu kira-kira jam 7 malam setiap hari.

Katanya, perbuatan kumpulan lelaki itu menjejaskan hidupan liar.

"Selain itu, debu kesan pembakaran turut berterbangan mengganggu kawasan sekitarnya.

"Mereka membakar hutan itu hampir setiap hari dan hidupan liar sering kelihatan keluar dari kawasan berkenaan menyelamatkan diri.

"Kumpulan berkenaan menyatakan kawasan itu ditebang untuk dijadikan dusun," katanya.

Penduduk juga bimbang bukit berkenaan mungkin runtuh akibat penebangan pokok yang terlalu berleluasa.

Runtuhan tanah akan mengancam keselamatan pengunjung dan menyebabkan pencemaran pantai, sekali gus menjejaskan Pantai Merdeka sebagai tempat kunjungan pelancong.

(END)